

# Perguruan bukan kerja sementara: PM

BH-25/2/2006

## Pelajar rugi jika anggap kerjaya pendidik satu persinggahan

Oleh Fazli Abdullah

**K**EPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan guru supaya jangan menjadikan kerjaya itu sebagai satu persinggahan sebelum mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Perdana Menteri berkata, tindakan menjadikan kerjaya perguruan sebagai kerja sementara menyebabkan mereka tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya sehingga merugikan pelajar dan negara.

Katanya, walaupun kerjaya guru mungkin bukan pilihan pertama, seseorang yang sudah menjadi pendidik perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi, berwibawa dan berkhidmat sebaik mungkin.

“Janganlah pula sebab tiada kerja lain, maka jadi guru sementara... singgah sekejap sementara nak pergi ke tempat lain.

“Ini tidak baik. Saya takut nanti anak-anak yang teraniaya kerana guru seperti ini tidak dapat mengajar dengan penuh minat. Bila tiada minat, macam mana nak beri tumpuan kepada pelajar,” katanya.

Abdullah bercakap pada sidang media selepas melancarkan Seminar Guru Penyayang Pemangkin Pembinaan Insan di Dewan Seri Endon, anjuran Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang) dengan kerjasama kerajaan negeri di Pusat Budi Penyayang, di sini, semalam.

Seminar itu dihadiri kira-kira 600 guru dari seluruh Pulau Pinang.

Hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri

Dr Koh Tsu Koon; Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar dan Pengerusi Penyayang, Nori Abdullah.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, menjadi guru memang bukan satu tugas wajib tetapi jika seseorang sudah memilih kerjaya itu, ia menjadi satu kewajipan untuk mereka menunaikan tanggungjawabnya.

Abdullah berkata, guru perlu berupaya melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi, menjadi contoh teladan, jujur, berdisiplin serta mendidik dan membangunkan karakter pelajar yang berjaya.

Sehubungan itu, katanya, guru perlu melakukan nilai tambah dengan meningkatkan ilmu pengetahuan bagi membolehkan mereka melakukan tugas secara berkesan.

Bagi kerajaan, kata Perdana Menteri, akan terus menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk membolehkan rakyat mendapat pendidikan yang sempurna.

Mengulas keciciran lebih 10,000 pelajar, pada 2003 seperti dilaporkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Abdullah berkata, kerajaan berusaha mengatasinya.

FAKTA NOMBOR

600

Guru hadir seminar Penyayang

10,000

Pelajar tercicir pada 2003